Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-14

Pilihan Parti Politik di Kawasan Bandar dan Luar Bandar Menjelang PRU-15: Kajian Tinjauan di Parlimen Damansara dan Tanjung Karang

Political Party Preference in Urban and Rural Area Ahead of the GE-15: A Survey Study in the Parliamentary Constituencies of Damansara and Tanjung Karang

NORIHAN TAJUDIN & JUNAIDI AWANG BESAR*

Received:14-6-2026 /Accepted: 9-9-2026

ABSTRAK

Pilihan raya dapat memberikan peluang kepada masyarakat menunjukkan sokongan atau sebaliknya kepada parti politik yang bertanding. Ia juga dapat memberi petunjuk setempat terhadap penerimaan penduduk terhadap prestasi kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Baik di luar negara mahupun di Malaysia, pilihan politik pengundi di kawasan luar bandar seringkali mengikut pengaruh politik identiti berdasarkan kefahaman mereka tentang perjuangan parti politik yang mereka dukungi, manakala pengundi di bandar pula dipengaruhi politik nilai seperti sentimen ekonomi, kebajikan sosial, budaya dan alam sekitar. Perlaksanaan UNDI18 juga telah menambahkan jurang yang sedia ada. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengkaji pilihan politik terkini di kalangan pengundi di kawasan bandar iaitu Damansara dan luar bandar iaitu Tg. Karang. Metodologi yang dipilih ialah kaedah persampelan mudah menggunakan tinjauan borang soal-selidik secara bersemuka dan dalam talian. Seramai 500 orang responden bersedia menjawab soalan dengan baik. Seterusnya data dari borang soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dipaparkan dalam bentuk jadual. Hasil kajian mendapati 52.6% responden Damansara bersikap rasional bahawa parti PH akan menang bagi peringkat Negeri (DUN) Selangor kerana PH telah mempertahankan kerusi selama dua penggal. Bagi kawasan Tg. Karang, 52.6% responden yakin BN menang. Hal ini memberikan implikasi bahawa kecenderungan pemilihan parti antara responden luar bandar Tg. Karang dan bandar Damansara adalah berlandaskan landskap politik arus perdana dan mereka bersikap rasional. Hanya parti BN, PH dan PN menjadi pilihan responden di kawasan kajian berbanding MN dan GTA. Tingkah laku pengundian dalam kalangan responden muda juga berbeza berbanding generasi tua. Kesimpulannya kajian ini telah menonjolkan masih wujud jurang geografi dari segi tingkah laku pengundian dan akan meningkat dalam pilihan raya akan datang.

Kata kunci: tingkah laku pengundian, jurang bandar-desa, politik nilai, pilihan rasional

ABSTRACT

Elections provide an opportunity for the public to demonstrate support or otherwise for the competing political parties. They also offer localized indicators of residents' acceptance of both federal and state government performance. Both internationally and in Malaysia, the political choices of rural voters are often driven by identity politics based on their understanding of the ideological struggles of the parties they support. Conversely, urban voters are more influenced by value politics, such as economic issues, social welfare, culture, and the environment. The implementation of UNDI18 has further widened this existing divide in political perspectives. Therefore, this study was conducted to analyze current political choices among voters in an urban area (Damansara) and a rural area (Tg. Karang). The methodology employed a convenience sampling technique via face-to-face and online questionnaire surveys, involving a total of 500 respondents. The data were analyzed descriptively using SPSS software and presented in tables. The research results show that 52.6% of respondents in Damansara held a rational view that the Pakatan Harapan (PH) party would win at the Selangor State Assembly (DUN) level, as PH has held the seat for two terms. Meanwhile, in the Tg. Karang area, 52.6% of respondents were confident that Barisan Nasional (BN) would win. These findings imply that party preferences across rural and urban landscapes remain firmly rooted in mainstream politics, reflecting a rational decision-making process where BN and PH remain the primary choices. Additionally, voting behavior among younger voters showed clear differences compared to the older generation. In conclusion, this study highlights that a gap in voting behavior based on geography still persists and is expected to widen in future elections

Keywords: voting behavior, urban-rural cleavage, value politic, rational choice

PENGENALAN

Pilihan raya merupakan elemen utama dalam sistem demokrasi berparlimen. Ia dapat mengurangkan jurang yang wujud antara kerajaan dengan rakyat. Rakyat mempunyai kuasa sekat dan imbang melalui proses pilihan raya yang bersifat bermusim atau lima tahun sekali. Parti yang dominan dan memenangi pilihan raya kemudiannya akan membentuk kerajaan dan mempunyai permuafakatan antara parti berbilang kaum (Wan Abdul Rahman, 2008). Dari satu sudut, wujud polarisasi atau jurang politik bandar dan luar bandar sejak sekian lama (Armstrong, Lucas & Taylor, 2022). Begitu juga dari segi partisipasi individu. Kajian penulis tempatan seperti Norhafiza (2021) menekankan tentang penglibatan individu yang tinggal di bandar mempunyai tahap penglibatan politik yang lebih tinggi berbanding individu di luar bandar dipengaruhi faktor interaksi sosial dan persekitaran bandar. Namun bagi golongan belia baik di bandar atau luar bandar, mereka lebih memilih aktif secara dalam talian berbanding kaedah konvensional. Bahkan fenomena polarisasi geografi dalam pilihan raya turut membelenggu negara-negara Barat seperti United Kingdom, Kanada, Australia, Jerman dan New Zealand. Sebagai contoh, Parti Demokrat di Amerika Syarikat mempamerkan penguasaan mutlak di kawasan metropolitan utama, di mana mereka berjaya meraih sokongan dominan daripada golongan profesional muda yang tertarik dengan nilai sosial progresif parti tersebut. Sebaliknya, Parti Republikan pula mempamerkan kecekapan geografi dengan menguasai banyak kerusi luar bandar, biarpun sebahagian besarnya dimenangi dengan majoriti yang tipis. (Armstrong, Lucas & Taylor, 2022; Huijsmans & Rodden, 2024). Kelebihan persekitaran bandar yang padat penduduk, perumahan dekat membolehkan jentera parti menjalankan kempen dengan lebih mudah berbanding di kawasan luar bandar yang persekitaran rumahnya berselerak. Baik di Kanada (Walks, 2004) atau di Eropah (Haffert & Mitteregger (2023) faktor kawasan persekitaran di pinggir bandar mempengaruhi sikap politik individu. Penduduknya lebih memilih parti konservatif bagi menekan kerajaan agar menjaga nilai sosial, ekonomi, keselamatan negara dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia, pembahagian ruang antara kawasan bandar dan luar bandar bukan sahaja memisahkan jarak fizikal, tetapi juga membentuk jurang sosioekonomi, pendedahan maklumat, dan nilai yang berbeza (Norhafiza, 2021).

Di Malaysia, Ummu Aabidah, Mohd Muslim & Rosmadi (2021) membuat kajian pilihan responden di bandar (Parlimen Lembah Pantai) mendapati majoriti responden melihat faktor calon berbanding parti. Ciri-ciri yang ada pada calon bertanding seperti berkarisma, berpendidikan tinggi, penampilan yang menarik, berpengalaman dalam pentadbiran, latar belakang keluarga yang baik, rekod yang bersih dan calon yang dikenali merupakan ciri-ciri calon cita rasa rakyat di kawasan berkenaan. Selain itu, menurut Mohammad Agus (2008) faktor geografi, kawasan bergunung ganang, faktor jarak yang sukar telah mewujudkan fahaman kedaerahan yang kuat antara penduduk. Pembangunan juga tidak dapat diselaraskan sepenuhnya lalu mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi. Justeru apa yang berlaku di pantai timur Malaysia, berakar umbi faktor identiti pengundi tempatan sejak sekian lama sebagai nelayan, petani, berpegang teguh kepada dasar perjuangan Islam, bahkan dipengaruhi semangat kedaerahan yang kuat. Bagi komuniti ini, agama bukan sekadar kepercayaan peribadi, tetapi merupakan cara hidup yang menjadi teras kepada identiti politik, menyebabkan aspek moral keagamaan mengatasi naratif-naratif politik yang lain.

Sebaliknya, situasi yang jauh berbeza dapat disaksikan di negeri-negeri Pantai Barat, terutamanya Selangor yang mempunya kadar urbanisasi yang sangat tinggi. Penduduk di kawasan metropolitan ini dikelilingi oleh kepelbagaian etnik, kepadatan penduduk yang padat, serta akses

ekonomi moden. Impaknya, pengundi di Selangor lebih bersentimenkan 'politik nilai dan pembangunan'. Mereka meletakkan keutamaan yang tinggi kepada aspek keadilan sosial, kestabilan ekonomi, serta sangat menekankan isu integriti dan tadbir urus yang bersih. Kehidupan bandar yang kompetitif dan pendedahan maklumat yang pantas membentuk pemikiran pengundi Pantai Barat untuk menjadi lebih kritikal terhadap prestasi semasa kerajaan berasaskan isu sara hidup dan hak sivil. Tambahan pula menurut Norhafiza (2018) pelbagai gerakan demonstrasi jalanan yang dijalankan di Kuala Lumpur bagi menuntut ketidakpuasan terhadap kerajaan dari era reformasi hingga ke tsunami politik menambahkan kesedaran politik di kalangan penduduk. Wujudnya perbezaan antara sentimen keagamaan di luar bandar Pantai Timur dan pelbagai sentimen di bandar menunjukkan bahawa faktor geografi memainkan peranan yang amat besar dalam menentukan pilihan pengundi.

PRU-16 amat penting bagi mengenal pasti sejauh mana sokongan responden terhadap Kerajaan Madani atau Kerajaan Perpaduan. Ia juga merupakan kali ke-2 perlaksanaan UNDI18 yang pertama kali diadakan pada PRN Johor pada Mac 2022 dan PRU-15 pada Disember 2022. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengupas dengan lebih mendalam bagaimana faktor geografi mempengaruhi pola dan kecenderungan pilihan politik masyarakat dalam senario semasa. Analisis ini akan meneliti jurang pilihan parti antara pengundi bandar di Damansara dan luar bandar di Tanjung Karang, memilih parti dan jangkaan pengundi parti akan menang mengikut kawasan dalam PRU-15. Artikel ini akan cuba mengenal pasti keutamaan pilihan pengundi di Damansara dan Tg. Karang berdasarkan pengaruhi geografi politik, politik identiti dan politik nilai.

KAJIAN LEPAS: PENGARUH GEOGRAFI POLITIK, POLITIK IDENTITI, DAN POLITIK NILAI DALAM PILIHAN RAYA

Pilihan raya merujuk kepada aktiviti pemilihan umum bagi menentukan wakil suatu masyarakat dalam suatu dewan perwakilan (Ationg et al. 2020). Di Malaysia, bagi menjalankan proses pilihan raya yang demokratik dan lancar, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) akan menjalankan urusan pentadbiran selaras dengan peruntukan Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan (Mohd. Nor Hafiz, Junaidi dan Hamzah, 2021). SPR akan memasukkan maklumat berkaitan calon pilihan raya di laman web SPR, daerah mengundi dan pusat mengundi ketika musim pilihan raya. Di peringkat awal lagi, lokasi atau elemen geografi telah menjadi kriteria penting dalam pilihan raya.

Istilah geografi politik ialah satu cabang geografi manusia yang membincangkan mengenai penentuan sempadan, bagaimana negara-negara mengalami perubahan sempadan dan implikasinya. Dalam konteks pilihan raya, geografi politik menghubungkan bagaimana ruang geografi berkait dalam mempengaruhi tingkah laku pengundian. Faktor lokasi bandar dan luar bandar yang berbeza demografi, persekitaran sosioekonomi telah mempengaruhi sikap dan budaya penduduk yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku pengundian. Fenomena ini berlaku baik di Malaysia mahupun luar negara. Di Malaysia, pola mengikut lokasi geografi memperlihatkan kawasan bandar dimonopoli Pakatan Harapan (PH) manakala kawasan luar bandar dikuasai oleh BN kekal status quo dikuasai BN. Di Kanada, kajian Amstrong, Lucas & Taylor (2022), ketidakpuasan hati penduduk akibat jurang ketidaksamaan dasar pembangunan sejak sekian lama telah mewujudkan jurang tingkah laku pengundi. Responden di luar bandar lebih memilih parti konservatif berbanding demokrasi yang popular dalam kalangan responden di bandar. Perubahan aktiviti ekonomi di bandar daripada perindustrian kepada ekonomi pengetahuan dalam sektor

perkhidmatan, teknologi maklumat, digital dan inovasi telah menambahkan jurang sedia. Golongan muda di Jerman lebih cenderung memilih parti yang bersifat progresif berbanding golongan dewasa. Sikap golongan muda yang berbeza terbentuk akibat persekitaran bandar kosmopolitan dan tahap pendidikan mereka (Haffert & Mitteregger, 2023). Di Semenanjung Malaysia, peluang Undi18 telah memberikan laluan kali kedua mengundi dalam PRN-16 yang berlangsung di Johor pada 11 Julai 2026 dan Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2026. Keputusan PRN telah menunjukkan undi muda mampu mempengaruhi keputusan pilihan raya apabila parti BN yang bergabung dengan PN telah memenangi 2/3 kerusi dipertandingkan di Negeri Sembilan manakala di Johor, parti BN menang majoriti mudah. Golongan muda yang mengundi menuntut peluang pekerjaan yang jelas, kerjaya yang setimpal, dan perlindungan sosial (Anon, 2025). Anak muda di bandar berdepan dengan kos sewa dan harga rumah yang mahal, manakala di luar bandar pula, anak muda berhadapan kekurangan peluang pekerjaan. Jurang sosioekonomi yang wujud ini mencetuskan kecenderungan untuk anak muda mengundi agar parti yang dipilih mampu menunaikan janji semasa kempen pilihan raya dijalankan (Ali & Mohd Azul, 2020; Siti Nurshahidah, Normah & Mohd Nor Shahizan, 2024; Dzulpadzli, Sity & Normah, 2025).

Pengaruh geografi, bentuk muka bumi, jarak, lokasi petempatan, dan persekitaran sosioekonomi merupakan pembolehubah kritikal yang mencorakkan pemikiran politik masyarakat seterusnya membentuk politik identiti. Politik identiti seringkali dikaitkan dengan kumpulan yang menekankan politik perkauman, keagamaan, dan budaya sesuatu masyarakat. Kumpulan ini merasakan wujud ketidakadilan dalam dasar sosioekonomi atau tercabar dengan sesuatu tindakan yang menjejaskan maruah atau bangsa. Namun, sudah menjadi kebiasaan di Malaysia apabila sentimen perkauman dan agama dibangkitkan dalam pelbagai parti pelbagai kaum apabila tibanya kempen pilihan raya dengan tujuan mendapatkan sokongan (Junaidi, 2025). Faktor sejarah turut mempengaruhi politik identiti apabila parti perdana seperti UMNO, MIC, MCA, dan PAS ditubuhkan dari awal lagi bertujuan untuk mewakili sesuatu kaum. Gabungan ketiga parti ini (UMNO, MCA dan MIC) membentuk Parti Perikatan pada tahun 1954 dan kemudian Barisan Nasional (BN) pada tahun 1973 telah berjaya memerintah selama 44 tahun. Kemenangan gabungan parti Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 dan PRU-15 membentuk Kerajaan Perpaduan telah merubah suasana politik di Malaysia. Selari dengan perubahan masa dan sifat politik yang dinamik, pelbagai parti baharu ditubuhkan juga mempunyai identiti tersendiri yang cuba dipertahankan. Misalnya Parti Muda yang mewakili golongan muda. Walaupun politik identiti sering menimbulkan polemik perkauman dan sebagainya bagi menarik undi semasa pilihan raya, kebijaksanaan pemimpin negara mengendalikan isu polemik politik dengan baik (Ting & Azlina 2026). Kesannya rakyat Malaysia bersikap positif, bersatu hati, bertolak ansur dalam menjaga keharmonian dan menyokong apa sahaja kerajaan baharu yang dibentuk selepas pilihan raya.

Politik nilai pula merujuk kepada nilai yang ditekankan dalam struktur kepimpinan. Nilai dijadikan teras atau tunjang utama dalam kepimpinan sesuatu parti politik. Pemimpin perlu mempunyai ciri-ciri ideal seorang pemimpin. Selain mempunyai kelayakan akademik yang baik, pemimpin mestilah menekankan nilai moral, bersifat mesra, rajin, tidak sombong, bebas rasuah, berwawasan, cepat respon, sabar, ketelusan dalam memimpin, bijak mendekati rakyat dan sebagainya (Junaidi, 2025). Calon pilihan raya yang mempunyai nilai tersebut akan menjadi pemimpin cita rasa rakyat. Justeru, parti politik akan memilih calon yang tepat dan sesuai untuk bertanding di sesuatu kawasan agar mendapat kemenangan undi. Jenis pekerjaan dan latar belakang tempat asal calon turut penting kerana calon menjadi harapan pengundi untuk membawa suara atau masalah rakyat (Pong & Tan, 2018; Ummu Abidah, Mohd Muslim dan Rosmadi, 2021).

Calon politik juga mestilah perlulah rajin turun padang mendekati masalah rakyat agar tidak wujud jurang antara pemimpin dan rakyat (Junaidi, 2021). Dalam usaha ini, penggunaan teknologi maklumat atau kempen secara maya memudahkan lagi usaha untuk mendekati rakyat atau meningkatkan popularitи (Ahmad Rizal et al. 2016; Suhana & Shahrul Nazmi, 2023). Baik di Malaysia mahupun luar negara, alternatif ini telah berjaya menarik sokongan pengundi. Kajian Koivukoski (2025) di Finland, dengan melihat pelbagai hantaran di Facebook mendapati pemimpin dari pelbagai parti menggunakan pendekatan nilai seperti merendahkan diri, humor dalam kempen mereka bagi meraih sokongan atau mendekati pengundi. Parti bersayap kanan (Finn Party) paling popular menggunakan strategi berbentuk kandungan video, meme dan komen dengan merendahkan pihak lawan. Gaya berani mengkritik pihak lawan menarik sokongan golongan muda, serta yang tidak berpuas hati tentang sesuatu isu semasa dan sebagainya. Hal ini disokong oleh Davidson & Enos (2025) yang menyifatkan penggunaan internet memberikan impak yang lebih kepada parti sayap kanan di Eropah. Selain itu, kajian Braun & Schäfer (2022) di Eropah, menunjukkan antara faktor peningkatan jumlah keluar pengundi yang tinggi pada Pilihan raya parlimen 2019 ialah penggunaan isu global yang merentas sempadan seperti perubahan iklim dan alam sekitar, imigrasi, dan ekonomi yang menjadi fokus golongan muda. Di Asia, kajian di Indonesia oleh Asriadi, Yusa'Farchan & Wiyono (2025) turut menunjukkan kempen secara maya ini memberikan kelebihan kepada parti politik yang popular. Pelaksanaan kempen secara maya berupaya merapatkan jurang geopolitik dengan membolehkan parti-parti politik menyebarkan naratif dan manifesto mereka secara saksama kepada pengundi, tanpa terhad oleh kekangan akses fizikal di kawasan pedalaman.

Dari segi individu atau pengundi pula, Karp & Banducci (2008) menyifatkan pilihan raya akan lebih berkesan jika setiap individu yang layak mengundi mempunyai efikasi politik yang tinggi (bahawa undi mereka berpotensi menjadi penentu keputusan politik); manakala Ardèvol-Abreu, Gil de Zúñiga & Gámez (2020) mendapati bahawa individu yang mempunyai kepercayaan konspirasi (iaitu beranggapan sistem politik kurang responsif terhadap kehendak rakyat) akan mengurangkan efikasi politik mereka. Justeru, kesedaran mengundi dan peranan pihak berkuasa dalam menjalankan kempen berterusan kepentingan mengundi tidak kira geografi perlu diteruskan khasnya di kalangan remaja berumur 18 tahun.

Kajian luar bandar di Malaysia diperkukuh secara empirikal oleh Suriana dan Rosmadi (2021) di FELDA Chiku, Gua Musang, Kelantan. Responden di rancangan pembangunan tanah luar bandar seperti FELDA Chiku mempamerkan sokongan politik kepada Barisan Nasional (BN) sebelum dan semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Keadaan ini dipengaruhi oleh nilai 'kesetiaan politik tradisi' dan terhutang budi terhadap sumbangan BN dalam aspek pembangunan sosioekonomi tempatan. Hal ini selaras dengan dapatan Mohd Zakaria & Amer Saifude (2021) yang menyatakan bahawa pemimpin atau kerajaan yang dapat respons atau menangani masalah ketika bencana boleh mencetuskan perubahan politik. Jika pengundi yang terkena bencana tidak berpuas hati dan marah dengan kerajaan atau pemimpin, mereka akan menterjemahkannya di peti undi. Contohnya kajian Khalida Najwa (2021) di Pahang menyatakan majoriti responden berpuas hati dengan respon kerajaan Pahang mengendalikan penularan wabak COVID-19 serta menekankan elemen parti yang menekankan nilai keadilan, kemanusiaan dan anti rasuah. Di bandar, kajian Norihan & Junaidi (2022) di kalangan perumahan flat merumuskan penduduk gembira dengan inisiatif kerajaan menjaga kesejahteraan rakyat melalui polisi mengurangkan impak pandemik yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan dan akan menyokong kerajaan yang menjaga nasib rakyat.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas membuktikan terdapat keperluan yang mendalam untuk meneliti pilihan politik Malaysia melalui lensa geografi, politik identiti dan politik nilai. Walaupun kajian terdahulu telah meletakkan asas polarisasi bandar-luar bandar ini, namun dinamika peralihan sokongan pengundi dalam landskap politik semasa dan era digital masih memerlukan penelitian yang lebih kontemporari. Maka, kajian ini amat signifikan untuk mengisi lompang (*research gap*) kajian tersebut. Tambahan pula dalam PRN yang berlangsung di Negeri Sembilan dan Johor telah menunjukkan beberapa dapatan seperti undi di kalangan 18 peka dengan isu semasa seperti isu peluang pekerjaan, perumahan B40 dan pembayaran gaji untuk praktikal (Anon, 2026). Kemenangan parti BN menang dengan majoriti mudah iaitu menawan 48 kerusi daripada 56 kerusi DUN. Parti PH hanya mendapat baki 8 kerusi sahaja. Hal ini menunjukkan persepsi dan harapan penduduk kepada BN tinggi.

TEORI PILIHAN RASIONAL

Teori Pilihan Rasional (Rational Choice Theory) merupakan salah satu pendekatan yang berpengaruh dalam bidang sains sosial, khususnya dalam ilmu politik, ekonomi, sosiologi dan kajian organisasi. Teori ini berasaskan andaian bahawa manusia bertindak secara rasional dalam membuat keputusan dengan tujuan memaksimumkan faedah dan meminimumkan kos. Dalam erti kata lain, individu dianggap sebagai pelaku yang mempunyai matlamat tertentu, menilai pilihan yang ada, dan seterusnya memilih tindakan yang memberikan manfaat terbesar kepada mereka.

Asal-usul Teori Pilihan Rasional dapat dikesan daripada perkembangan ekonomi klasik yang dipelopori oleh tokoh seperti Adam Smith. Idea ini kemudiannya berkembang melalui karya ahli ekonomi neoklasik dan diperluaskan penggunaannya ke dalam bidang lain oleh sarjana seperti James S. Coleman (1990) dan Anthony Downs (1957). Dalam konteks ekonomi, teori ini digunakan untuk menjelaskan bagaimana pengguna membuat keputusan pembelian, manakala dalam politik ia digunakan untuk menerangkan tingkah laku pengundi, parti politik dan pembuat dasar.

Prinsip utama Teori Pilihan Rasional ialah individu mempunyai keutamaan yang tersusun dan konsisten. Keutamaan ini membolehkan seseorang membandingkan pelbagai alternatif yang tersedia. Sebagai contoh, seorang pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti akan mempertimbangkan faktor seperti kos pengajian, reputasi institusi, peluang pekerjaan selepas tamat pengajian dan lokasi kampus. Setelah menilai semua faktor tersebut, pelajar tersebut akan memilih universiti yang dianggap mampu memberikan manfaat maksimum berdasarkan keutamaan peribadinya.

Selain itu, teori ini mengandaikan bahawa individu mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan yang terbaik. Mereka akan menimbang kos dan manfaat setiap pilihan sebelum bertindak. Sebagai contoh, seorang pengguna yang ingin membeli telefon pintar akan membandingkan harga, spesifikasi, jenama dan ulasan pengguna sebelum membuat pembelian. Proses ini dianggap sebagai tingkah laku rasional kerana keputusan dibuat berdasarkan penilaian yang sistematik terhadap alternatif yang ada.

Dalam bidang politik, Teori Pilihan Rasional sering digunakan untuk menjelaskan tingkah laku pengundi. Menurut perspektif ini, pengundi akan menyokong calon atau parti yang diyakini dapat memberikan manfaat terbesar kepada mereka. Manfaat tersebut mungkin berbentuk ekonomi, sosial atau ideologi. Sebagai contoh, seseorang mungkin memilih parti yang menjanjikan peluang pekerjaan yang lebih baik, pengurangan cukai atau peningkatan kebajikan sosial. Oleh itu,

keputusan mengundi dilihat sebagai hasil pertimbangan kos dan manfaat yang dilakukan oleh individu.

Kesimpulannya, Teori Pilihan Rasional merupakan pendekatan penting yang menjelaskan bagaimana individu membuat keputusan berdasarkan pertimbangan kos dan manfaat untuk mencapai matlamat tertentu. Teori ini telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan ilmu ekonomi, politik dan sosiologi melalui kerangka analisis yang sistematik dan boleh diuji. Ketika pilihan raya, pengundi yang rasional akan memilih berdasarkan prestasi parti dalam penggal pemerintahan mereka iaitu menyokong jika semasa pemerintahan mereka berjalan dengan baik dan memberi faedah kepada mereka, dan sebaliknya jika pemerintahan mereka tidak berjalan dengan baik dan tidak memberi faedah kepada mereka. Justeru, pengundi yang tidak terikat dengan mana-mana parti biasanya akan meneliti berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui media massa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklumat. Seramai 500 orang responden yang berumur 18 tahun dan ke atas iaitu yang layak mengundi dalam pilihan raya mengikut komposisi etnik/kaum, di dua parlimen di Negeri Selangor berjaya menjawab dengan baik. Parlimen tersebut ialah kawasan bandar iaitu Damansara, dan satu kawasan luar bandar iaitu Tanjung Karang. Seramai 145 responden (57.1%) daripada N08 DUN Sungai Burong dan 109 responden (42.9%) dari N09 DUN Permatang. Bagi kawasan Damansara pula majoriti responden dari N36 Bandar Utama iaitu 125 orang responden (50.8%), diikuti N37 Bukit Lanjan 72 responden (29.2%) dan N35 Kampung Tunku dengan 49 orang responden (19.9%). Justifikasi pemilihan kawasan kajian ini ialah untuk melihat persepsi penduduk dari latar kawasan (lokasi, kedudukan), taraf hidup dan aspek sosioekonomi yang berbeza. Kawasan Damansara mewakili penduduk bandar yang kebanyakan terlibat dalam aktiviti ekonomi perkhidmatan dan Tanjung Karang merupakan kawasan luar bandar yang terkenal dengan ekonomi pertanian. Parti politik yang dimenangi kedua kawasan parlimen juga berbeza. Contohnya, kawasan Tanjung Karang dimenangi oleh BN pada PRU-14 dan PH/PKR/DAP di kawasan Damansara.


Proses edaran kertas soalan dilakukan pada bulan Mac 2022 hingga Ogos 2022. Penggunaan data ini masih relevan memandangkan perubahan landskap politik yang berlaku menjelang PRU-15. Setiap soalan yang dikemukakan adalah berbentuk tertutup yang memerlukan responden menjawab soalan aneka pilihan jawapan dan soalan yang dikemukakan adalah berbentuk fakta. Kaedah borang soal selidik dilakukan sama ada secara bersemuka atau dalam talian (*Google form*). Bagi kaedah borang soal-selidik dalam talian atau *Google Form* dibantu oleh enumerator seperti ahli jawatankuasa persatuan penduduk, pengetua sekolah dan sebagainya. Mereka diterangkan objektif kajian dijalankan dan meminta untuk mengedarkan *link* di whatsaap group persatuan penduduk untuk menjawab soalan di *Google Form*. Soalan dalam talian perlu dilakukan di bandar kerana penduduk kebanyakan bekerja di sektor perkhidmatan dan lebih mudah menjawab menggunakan link berbanding membaca borang soal-selidik. Nilai Cronbach's Alpha 0.927 bagi konstruk "parti dijangka menang" ialah 0.927, "parti yang sesuai kerusi DUN dan kerusi Parlimen" ialah 0.976.

KAWASAN KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan peta bahagian pilihan raya mengikut Parlimen di Negeri Selangor. Parlimen di Selangor terbahagi kepada 22 Parlimen iaitu P.092 Sabak Bernam, P.093 Sungai Besar, P.094 Hulu Selangor, P.095 Tanjung Karang, P.096 Kuala Selangor, P.097 Selayang, P.098 Gombak, P.099 Ampang, P.100 Pandan, P.101 Hulu Langat, P.102 Bangi, P.103 Puchong, P.104 Subang, P.105 Petaling Jaya, P.106 Damansara, P.107 Sungai Buloh P.108 Shah Alam, P.109 Kapar, P.110 Klang, P.111 Kota Raja, P.112 Kuala Langat dan P.113 Sepang. Dalam kajian ini, dua parlimen yang dipilih ialah P0.95 Tanjung Karang dan P106 Damansara. Dari segi DUN, terdapat 56 kerusi DUN. Pada PRU-14, PH memenangi 51 daripada 56 kerusi DUN. Kawasan kajian yang dipilih ialah Damansara dan Tanjung Karang.

Damansara terletak dalam daerah Petaling, iaitu suatu kawasan di tengah-tengah Lembah Klang yang bersempadankan daerah Hulu Selangor di bahagian Utara, daerah Klang di bahagian barat, daerah Gombak di bahagian timur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bahagian tenggara, serta daerah Sepang dan Hulu Langat di bahagian Selatan. Daerah Petaling merupakan sebuah daerah termaju di negeri Selangor. Kedudukan yang strategik menyebabkan kawasan ini cepat maju bahkan wujud beberapa bandar penting seperti Bandar Utama, Mutiara Damansara, Sri Damansara, Damansara Jaya, Tropicana, Kg Tunku, Taman SEA dan Sri Damansara. Jumlah penduduk yang padat menyebabkan Parlimen Damansara diwakili tiga kawasan DUN, iaitu N.35 Kg Tunku, N.36 Bandar Utama dan N.37 Bukit Lanjan. Kawasan ini didominasi oleh Pakatan Harapan (PH) yang diwakili oleh DAP selama dua penggal.

Tanjong Karang terletak dalam daerah Kuala Selangor dan merupakan kawasan tanaman padi terkemuka. Ia mempunyai bentuk muka bumi rata dan bertanih aluvium. Tanjong Karang mempunyai dua mukim iaitu Mukim Tanjung Karang 1 dan Mukim Tanjung Karang 2. Parlimen Tanjong Karang mempunyai 47,198 pengundi berdaftar dengan dua kawasan DUN iaitu N.08 Sungai Burong dan N.09 Permatang. Sungai Burong mempunyai beberapa kawasan perkampungan sawah padi seperti Sungai Sireh, Sawah Sempadan, Sungai Burung Utara, Batu 9, dan Sungai Tengi Kanan. Permatang pula mempunyai kawasan pelbagai kegiatan ekonomi seperti kampung nelayan di Permatang, Hujung Permatang, Sungai Yu; perkampungan pekebun kecil kelapa sawit seperti Kg Gulang-Gulang, Parit Serong, Ladang Raja Musa, Batang Berjuntai Satu, Batang Berjuntai Utara, Ladang Mary dan Sungai Tinggi. BN telah lama memegang tampuk pemerintahan (13 penggal) dan pada PRU-14, kerusi Permatang dimenangi oleh Parti Keadilan Rakyat. Pada PRU-15, Perikatan Nasional (PN) buat pertama kali telah berjaya menawan kerusi parlimen Tanjung Karang.



Rajah 1. Kedudukan Kerusi Parlimen Negeri Selangor PRU-14, 2018 Mengikut Parti Politik yang Menang
(Warna biru muda mewakili PKR dan biru tua mewakili BN)
Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

HASIL ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Instrumen kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden di kawasan kajian. Bahagian B untuk melihat respons sokongan dan pilihan politik responden bandar yang diwakili P106 Parlimen Damansara dan luar bandar P095 Parlimen Tanjung Karang.

DEMOGRAFI KAWASAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan dapatan mengenai profil demografi responden kajian. Responden kajian terdiri daripada 500 responden yang melibatkan 249 responden di Damansara (49.8%) dan 251 responden luar bandar iaitu Tanjung Karang (50.2%). Majoriti responden bandar berumur 41-50 tahun manakala luar bandar berumur 31-40 tahun. Seramai 260 orang (52%) responden lelaki dan 240 orang (48%) responden perempuan terlibat dalam kajian ini. Majoriti responden berkahwin iaitu 69%, dan dari segi bangsa, majoriti responden ialah Melayu (78% bandar dan 93% responden luar bandar) diikuti etnik Cina (16% responden Cina di bandar dan 6% luar bandar). Dari segi pekerjaan responden, majoriti responden bandar bekerja di sektor perkhidmatan swasta (30%) dan

kerajaan (29%). Bagi responden di luar bandar, 41% responden bekerja sendiri, sebagai peniaga di pasar tani (pekan Tanjung Karang, Penampang, Bagan Tengkorak), diikuti sektor kerajaan 15%, swasta 12%, nelayan dan petani/pesawah dengan masing-masing 4%. Sebahagian besar responden telah berkahwin (n=344, 68.8 %), manakala 133 orang responden masih bujang (26.6%) dan hanya 23 orang berstatus duda/janda/balu (4.6%).

Kategori pendidikan menunjukkan 69% responden bandar berpendidikan tinggi iaitu kolej dan universiti, manakala 54% responden luar bandar berpendidikan Sekolah menengah. Berdasarkan rajah tersebut, dapat dirumuskan bahawa tahap pendidikan responden luar bandar lebih rendah berbanding responden bandar. Hanya sedikit responden luar bandar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi iaitu 93 orang (37%) merupakan pemegang STPM/Diploma/Universiti. Hal ini mempengaruhi kategori pendapatan responden.

Kategori pendapatan menunjukkan responden di kawasan bandar majoriti berpendapatan RM5,000 ke atas, manakala responden di kawasan luar bandar berpendapatan RM2,000 ke bawah. Hal ini dipengaruhi oleh tahap pendidikan dan jenis pekerjaan responden di luar bandar yang pelbagai dan bergaji tidak tetap. Kawasan bandar jenis pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kebanyakan bergaji tetap.

JADUAL 1. Profil demografi responden (Bandar 249 orang, Luar bandar 250 orang, N=500)

Demografi		Bandar(%)	Luar Bandar(%)
Jantina:	Lelaki	53%	51%
	Perempuan	47%	49%
Umur:	18-21	3.2%	8.0%
	21-30	19.3%	25%
	31-40	19.6%	25%
	41-50	24.9%	14%
	51-60	20.1%	17%
	61-70	10.8%	9%
	>71	2.0%	2%
Bangsa:	Melayu	78.3%	94%
	Cina	16.0%	5%
	India	3.6%	1%
	Lain-lain	2.0%	0
Agama:	Islam	79.9%	93%
	Buddha	9.6%	6%
	Hindu	3.6%	1%
	Kristian	5.6%	0
	Lain-lain	1.2%	0
Status perkahwinan: Bujang		24.4%	29%
	Berkahwin	68.6%	69%
	Janda/duda/balu	6.8%	2%
Pendidikan:	Tidak bersekolah	0.8%	2%
	Sekolah rendah	2.4%	6%
	Sekolah Menengah	27.3%	55%
	Kolej/Universiti	69.4%	37%
Pendapatan:	RM0-RM1,000	9.6%	12%
	RM1,001-2,000	16.8%	44%
	RM2,001-3,000	14.0%	19%
	RM3,001-4,000	18.0%	10.4%
	RM4,001-5,000	13.6%	5.6%
	>RM5,000	27.7%	10%

(a) Kerusi Parlimen

Jadual 2 menunjukkan skor peratusan pendapat responden yang mengambil bahagian tentang keyakinan kedudukan kerusi Parlimen P106 Damansara dan P095 Parlimen Tanjung Karang jika PRU-15 diadakan pada masa terdekat. Bagi P106, sebanyak 24% responden yakin BN menang majoriti mudah diikuti 22% PH menang majoriti mudah. Sebaliknya di kawasan P095, seramai 44% responden yakin BN menang majoriti mudah diikuti 20% responden menyokong PN menang majoriti mudah. Peratusan yang menyokong BN dan PH di Damansara menunjukkan responden bertindak rasional memilih kedua-dua parti utama. Pada PRU-15 Kawasan Damansara masih dimenangi wakil DAP, apabila Gobind Singh Deo telah mengalahkan calon PN dan BN. Namun dengan wujudnya pembentukan Kerajaan Perpaduan PH (BN+PKR+DAP) selama sepenggal, keyakinan responden terhadap parti gabungan akan menjadi lebih baik.

Di kawasan P095, peratusan yang menyokong PN menunjukkan responden telah bersikap rasional dengan tidak hanya memfokuskan parti BN yang sekian lama memerintah di kawasan ini. PN walaupun kali pertama bertanding dalam PRU-15 telah berjaya mengalahkan parti BN disebabkan konflik kepimpinan (Tan Sri Noh Omar tidak dicalonkan setelah 6 penggal memegang kawasan Tanjung Karang). Selain itu, kepimpinan 'abah' atau Tan Sri Muhyiddin semasa pandemik, telah mempengaruhi pilihan responden. Semasa mengedarkan kaji selidik, terdapat responden yang mendapat faedah semasa kepimpinan PN berharap PN masih terus memerintah. Senario ini turut menunjukkan kematangan rakyat Malaysia berpolitik dengan menggunakan Teori Pilihan Rasional. Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =49.3, $p < 0.001$ menunjukkan keputusan yang signifikan bererti terdapat perkaitan antara lokaliti dengan keyakinan responden terhadap parti yang akan menang.

JADUAL 2. Keyakinan responden parti yang akan menang bagi kerusi Parlimen jika PRU-15 diadakan dalam masa terdekat

Pernyataan	**Bandar(%)**	**Luar Bandar (%)**
PN menang majoriti mudah	16.9	20.3
BN menang majoriti mudah	24.0	43.8
PH menang majoriti mudah	22.5	9.2
PN menang majoriti 2/3	11.6	10.4
BN menang majoriti 2/3	10.0	13.1
PH menang majoriti 2/3	14.9	3.2

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =49.3, $p < 0.001$

(b) Kerusi DUN

Jadual 3 menunjukkan skor peratusan pendapat responden yang mengambil bahagian tentang keyakinan parti kerusi DUN Selangor jika PRU-15 diadakan dalam masa terdekat. Bagi P106 majoriti responden yakin (34.1%) PH menang majoriti 2/3 kerusi DUN Selangor. Bagi P095 pula menunjukkan 47.8% responden yakin BN menang majoriti mudah. Keyakinan terhadap parti PH yang tinggi di bandar menunjukkan pengalaman dan kekuatan jentera DAP (PH) yang menguasai kawasan Damansara. Sekali lagi responden bandar dari kaum Melayu bersikap rasional dengan memilih parti PH akan menang dalam PRU-15. Tambahan pula kebanyakan kawasan bandar di Malaysia telah dimenangi oleh PH sejak berlakunya 'tsunami bandar' atau persaingan sengit dalam sejarah pilihan raya di Malaysia dalam PRU-13. Berlakunya sokongan yang tinggi golongan muda

terhadap kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyaksikan 12 buah kawasan bandar utama di Malaysia ditawan oleh Pakatan Rakyat (PH) dalam PRU-13 dan semakin meningkat dalam PRU-14 dan PRU-15. Namun, di kawasan luar bandar, parti BN masih popular di kalangan masyarakat kerana sejak dahulu lagi parti ini telah membawa pembangunan di kawasan berkenaan. Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukkan wujud perkaitan parti yang akan menang pada peringkat DUN dengan lokaliti responden χ^2 (5, N=500) =95.2, $p < 0.001$.

JADUAL 3. Keyakinan parti yang akan menang bagi kerusi DUN Selangor Jika PRU-16 diadakan dalam masa terdekat

Pernyataan	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
PN menang majoriti mudah	11.2	14.3
BN menang majoriti mudah	15.7	47.8
PH menang majoriti 2/3	34.1	11.2
PN menang majoriti 2/3	9.2	8.0
BN menang majoriti 2/3	8.8	13.1
PH menang majoriti 2/3	20.9	5.6

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =95.2, $p < 0.001$

Soalan bagi melihat persepsi penduduk bandar dan luar bandar terhadap pernyataan "Muafakat atau tahaluf siasi atau pakatan politik antara UMNO dan PAS perlu dikekalkan" juga dianalisis bagi membuat ramalan jika berlakunya gabungan parti antara parti UMNO dan PAS/PN dalam PRU-15. Hasil analisis mendapati seramai 48.9% responden bandar Damansara setuju terhadap pernyataan ini berbanding 68.1% responden luar bandar Tanjung Karang. Hasil ujian khi-kuasa signifikan, χ^2 (1, N=500), 18.8, $p < 0.001$ justeru hipotesis nul ditolak. Perbezaan peratus sokongan yang tinggi oleh responden Tanjung Karang dipengaruhi oleh persekitaran dan demografi kawasan Tanjung Karang yang majoriti berbangsa Melayu dan melihat parti kepada sudut identiti agama. Keadaan sebaliknya bagi responden Damansara yang persekitaran demografi yang pelbagai, sosioekonomi, budaya dan fokus kepada pembangunan. Responden bandar juga lebih rasional dalam pemilihan jawapan memandangkan majoriti penduduk di Damansara yang berbangsa Cina dan pelbagai kaum.

Seterusnya bagi pernyataan "UMNO dan PAS perlu bekerjasama demi agama, bangsa dan negara", hasil analisis menunjukkan seramai 60.2% responden Damansara bersetuju, berbanding 76.1% responden luar bandar Tanjung Karang. Hasil ujian khi-kuasa signifikan, χ^2 (1, N=500), 14.4, $p < 0.001$ justeru hipotesis nul ditolak. Analisis ini turut menunjukkan terdapat perbezaan ketara antara responden bandar dan luar bandar dalam memberikan sokongan politik terhadap pernyataan 'UMNO dan PAS perlu berkerjasama demi agama, bangsa dan negara Malaysia'. Responden Tanjung Karang lebih bersikap cenderung kepada nilai keagamaan yang terdapat pada parti berbanding responden Damansara.

Dari segi pernyataan "UMNO, PAS dan Bersatu perlu bersatu dalam menghadapi PRU-15", hasil analisis menunjukkan seramai 59.8% responden Damansara setuju, berbanding 63.3% responden luar bandar Tanjung Karang. Hasil ujian khi-kuasa tidak signifikan, χ^2 (1, N=500), 14.4, $p > 0.420$ justeru hipotesis nul diterima yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokaliti dengan persepsi responden terhadap keperluan tiga parti (UMNO, PAS dan BERSATU) bekerjasama dalam PRN-15. Parti Pribumi Bersatu Malaysia atau Bersatu masih baharu ditubuhkan secara rasmi pada 9 Ogos 2016 dan masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan responden di bandar dan luar bandar berbanding UMNO dan PAS yang telah lama

terkenal. Justeru, kempen berterusan perlu dilakukan oleh parti berkenaan bagi meningkatkan popularitи.

Bagi pernyataan "calon hendaklah dipilih mengikut kehendak pengundi" analisis menunjukkan 81.5% responden Damansara setuju, berbanding 79.3 responden Tanjung Karang. Hasil ujian khi-kuasa tidak signifikan, χ^2 (2, N=500), 0.39, $p < 0.528$, justeru hipotesis nul diterima. Hal ini menunjukkan elemen lokaliti responden tidak mempengaruhi persepsi terhadap penyataan yang diberikan. Baik responden bandar atau luar bandar bersetuju bahawa calon pilihanraya perlu mengikut kehendak pengundi.

Bagi pernyataan "Calon mestilah dikenali pengundi, kerap turun padang, mesra rakyat, mudah dihubungi, berpengalaman, dan bukannya bidan terjun serta orang luar yang tidak dikenali" menunjukkan 92.4% responden Damansara dan 90% responden Tanjung Karang setuju dengan penyataan ini. Peratusan yang tinggi menunjukkan pemimpin yang dicalonkan perlulah mempunyai ciri-ciri pemimpin kawasan seperti rajin melayani rakyat, mesra tidak sombong, berpengalaman. Hasil ujian khi-kuasa tidak signifikan, χ^2 (1, N=500), 1.60, $p < 0.447$ yang bermaksud tidak terdapat perbezaan antara lokaliti tentang calon pilihan raya yang bersikap asertif.

PARTI DIJANGKA MENANG DALAM PRU-15 DUN KAWASAN

Hasil analisis menunjukkan pola sokongan politik responden dipengaruhi oleh pertimbangan yang selari dengan Teori Pilihan Rasional. Di kawasan Damansara, majoriti responden memilih PH sebanyak 52.6%, diikuti PN (20.5%) dan BN (12.8%) (Lihat Jadual 4). Keputusan ini mencerminkan kecenderungan responden untuk menyokong parti yang mempunyai rekod kemenangan dan pengaruh politik yang kukuh di kawasan tersebut. Damansara yang dikenali sebagai kubu tradisi DAP dan PKR dilihat mempunyai kelebihan dari segi jaringan politik, pengalaman pentadbiran dan tahap penerimaan pengundi. Oleh itu, responden Damansara bertindak secara rasional dengan menyokong parti yang dianggap mempunyai peluang kemenangan yang lebih tinggi serta mampu memenuhi kepentingan mereka.

Di kawasan luar bandar iaitu di Tanjung Karang, majoriti responden menyokong BN (52.6%), diikuti PN (21.1%) dan MN (13.5%). MN atau Muafakat Nasional merupakan pakatan politik di antara UMNO dan PAS yang dibentuk pada September 2019. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor sejarah dan pengaruh politik jangka panjang memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan pengundi. Kedudukan BN sebagai wakil rakyat selama enam penggal berturut-turut telah mewujudkan tahap kepercayaan dan kesetiaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat setempat. Dari sudut analisis, responden luar bandar melihat BN sebagai parti yang mampu menjamin kestabilan politik dan pembangunan kawasan. Oleh itu, pilihan mereka bukan sahaja dipengaruhi oleh sentimen identiti, tetapi juga oleh pertimbangan rasional terhadap keberkesanan dan rekod prestasi parti tersebut. Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara lokaliti dengan respons parti yang dijangka menang dalam kerusi DUN Selangor, χ^2 (5, N=500) =150.3, $p < 0.001$.

JADUAL 4. Parti yang dijangka menang dalam kerusi DUN Selangor pada PRU-16

Parti	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
PN	20.5	21.1
MN	8.4	13.5
BN	12.9	52.6
PH	52.6	8.4

GTA	1.2	1.2
Lain-lain	4.4	3.2

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =150.3, $p < 0.001$

PARTI DIJANGKA MENANG DALAM PRU-15 DI PERINGKAT PARLIMEN

Di peringkat parlimen, parti yang dijangka akan menang bagi kawasan bandar ialah PH dengan 53.4% responden. Parti kedua yang dijangka menang ialah PN dengan hanya 19.3% responden. Bagi kawasan luar bandar pula majoriti responden (54.9%) menjangkakan BN menang. Parti kedua yang popular dalam kalangan responden ialah PN dengan 17.9% responden menyokong (Lihat Jadual 5). Dapatan ini menunjukkan kedua-dua kawasan mempunyai parti yang mendominasi kawasan tersebut. Namun wujudnya peratusan bagi parti lain menunjukkan masih ada ruang untuk parti lain menawan kawasan berkenaan. Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukan terdapat perkaitan antara lokaliti dengan respon parti dijangka menang pada peringkat parlimen, χ^2 (5, N=500) =144.1, $p < 0.01$.

JADUAL 5. Parti yang dijangka menang dalam PRU-15 peringkat parlimen

Parti	**Bandar (%)**	**Luar Bandar (%)**
PN	19.3	17.9
MN	8.0	14.3
BN	12.8	54.9
PH	53.4	9.2
GTA	1.2	0.8
Lain-lain	5.2	2.8

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =144.1, $p < 0.01$

PARTI DIJANGKA MENANG DALAM PRU-15 BAGI NEGERI SELANGOR DAN MALAYSIA

Jangkaan kemenangan parti dalam PRU-15 di Selangor juga berbeza mengikut latar kawasan tempat tinggal responden. Di kawasan bandar, majoriti responden (53%) menjangkakan PH akan memenangi pilihan raya, manakala di kawasan luar bandar majoriti responden (44.2%) memilih BN sebagai parti yang berpotensi menang (Lihat Jadual 6). Perbezaan ini mencerminkan kewujudan pola sokongan politik yang berasaskan pengalaman, keperluan dan persepsi masyarakat terhadap prestasi parti politik. Sokongan padu responden luar bandar terhadap BN menunjukan parti ini telah memahami pembangunan yang diharapkan oleh penduduk. Tambahan pula BN cenderung memberikan bantuan kepada penduduk luar bandar yang rata-rata berpendapatan rendah

Dari perspektif Teori Pilihan Rasional, responden membuat penilaian berdasarkan manfaat yang dijangka diperoleh daripada sesebuah parti. Sokongan tinggi terhadap PH di kawasan bandar boleh dikaitkan dengan keyakinan terhadap dasar, prestasi pentadbiran serta kesesuaian agenda parti tersebut dengan keperluan semasa masyarakat bandar yang lebih menitikberatkan isu tadbir urus, peluang ekonomi dan pembangunan mampan. Oleh itu, responden menjangkakan PH mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk mengekalkan pengaruhnya di kawasan bandar. Tambahan pula jentera parti PH sentiasa ditambah baik.

Sebaliknya, sokongan responden luar bandar terhadap BN menunjukkan bahawa parti tersebut masih relevan dan disayangi masyarakat setempat. Faktor pembangunan infrastruktur, bantuan kebajikan dan program sokongan kepada golongan berpendapatan rendah dilihat sebagai

kelebihan utama BN. Keadaan ini membentuk persepsi bahawa BN lebih memahami keperluan penduduk luar bandar. Justeru, jangkaan kemenangan BN dalam kalangan responden luar bandar menggambarkan pertimbangan rasional yang berasaskan rekod prestasi dan manfaat yang diterima oleh masyarakat setempat. Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukkan terdapat perkaitan yang kuat antara lokaliti dengan sokongan responden terhadap parti dijangka menang di peringkat negeri Selangor χ^2 (5, N=500) =119.1, $p < 0.01$.

JADUAL 6. Parti yang dijangka menang dalam PRU-15 peringkat negeri Selangor

Parti	P106 Bandar (n249)	P095 Luar Bandar (n 251)
PN	18.5	22.7
MN	9.2	17.1
BN	12.4	44.2
PH	53.0	11.9
GTA	1.6	0.4
Lain-lain	5.2	3.6

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =119.1, p < 0.01

Seterusnya bagi analisis 'parti yang dijangka menang dalam PRU-15 bagi negara Malaysia' menunjukkan responden baik di Damansara mahupun luar bandar Tanjung Karang lebih rasional apabila dua parti menunjukkan peratusan yang hampir setara. Bagi kawasan bandar, sebanyak 30.5% responden memilih PH dan 29.3% responden memilih PN. Bagi responden luar bandar pula 42.6% responden memilih BN dan 32.2% responden memilih PN (Lihat Jadual 7). Pilihan pengundian kawasan bandar dan luar bandar berkait rapat dengan isu semasa di peringkat nasional. Menurut Mohd Zakaria & Amer Saifude (2021), tindak balas kerajaan dari segi bantuan dan program pemulihan akan mencetuskan perubahan 'tsunami politik'. Dalam kajian Norihan & Junaidi (2022) di Kota Damansara, Kerajaan PN semasa pandemik telah melakukan pelbagai insentif bagi menjaga kesejahteraan rakyat, dan hal ini meningkatkan sokongan responden kepada PN di Bandar Kota Damansara. Keadaan ini mencerminkan bahawa pengundi bandar yang rata-rata berpendidikan lebih terbuka dalam menilai prestasi dan kemampuan parti politik berbanding terikat kepada satu parti tertentu. Dari sudut Teori Pilihan Rasional, responden membuat pertimbangan berdasarkan manfaat, dasar dan keupayaan parti dalam menangani isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan mereka.

JADUAL 7. Parti yang dijangka menang dalam PRU-15 peringkat Malaysia

Parti	P106 Bandar (n249)	P095 Luar Bandar (n 251)
PN	29.3	32.2
MN	12.9	15.1
BN	19.7	42.6
PH	30.5	6.4
GTA	1.6	0.0
Lain-lain	6.0	3.6

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (5, N=500) =67.1, p < 0.01

Analisis turut dijalankan bagi melihat pemilihan parti yang dijangka menang di peringkat Malaysia dengan tahap umur. Jadual 8 menunjukkan hasil analisis ujian silang menunjukkan BN popular bagi semua peringkat umur diikuti PN dan PH. Bagi umur 18-20 tahun, dua parti utama

yang dipilih ialah PN (34.5%) dan BN dengan 34.4%. Bagi kategori umur 21-30 tahun juga menunjukkan BN lebih dominan dengan 30.6%, diikuti PH dan PN dengan masing-masing 27%. Begitu juga bagi kategori 31-40 tahun hingga 61-70 tahun menunjukkan peratusan responden memilih BN kekal tinggi sedikit berbanding PN dan PH. Namun bagi kategori umur 71 tahun dan ke atas menunjukkan 50% responden menyokong parti BN. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden muda yang berumur 40 tahun ke bawah bersikap rasional dengan memilih parti yang sedia popular di kalangan masyarakat iaitu BN, PN dan PH. GTA yang baru diperkenalkan tidak menjadi tarikan responden atas pelbagai faktor seperti ketidakyakinan ke atas parti baharu dan pelbagai faktor lain. Hasil ujian khi-kuasa dua yang tidak signifikan menunjukkan bahawa tidak wujud perkaitan antara umur dan parti yang dijangka menang, χ^2 (30, N=500) =41.2, $p > 0.08$.

JADUAL 8. Parti yang dijangka menang peringkat Malaysia mengikut tahap umur

Umur	BN (%)	PN (%)	PH	MN	GTA	Lain-lain	Total
<20	34.4	34.5	6.9	20.7	0.0	3.4	100
21-30	30.6	27.0	27.0	10.8	0.0	4.5	100
31-40	34.2	32.4	15.3	10.8	1.0	6.3	100
41-50	26.8	25.8	17.5	24.7	0.0	5.1	100
51-60	26.9	35.5	19.4	15.1	2.2	1.0	100
61-70	36.7	34.6	12.2	4.1	2.0	10.2	100
> 71	50.0	30.0	20.0	0.0	0.0	0.0	100

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (30, N=500) =41.2, p > 0.08

Begitu juga dari segi tahap pendidikan juga menunjukkan BN, PN dan PH popular dalam kalangan responden dalam kajian ini. Namun tahap pendidikan kolej atau universiti menunjukkan peratusan yang hampir sama iaitu seramai 35% responden memilih PN, diikuti BN(23%) dan PH (22.9%) (Lihat Jadual 9). Dalam kalangan responden yang mempunyai tahap pendidikan tidak bersekolah, menunjukkan peratusan yang hampir sama menyokong BN dan PN (33%). Begitu juga tahap pendidikan sekolah rendah dan menengah rendah dengan majoriti menyokong BN. Hal ini menunjukkan responden berpendidikan kolej dan universiti lebih berhati-hati memilih parti yang dijangka menang di peringkat negara. Mereka bersikap rasional dengan mempertimbangkan pengalaman lampau, isu semasa, parti yang berpotensi dan sebagainya.

JADUAL 9. Parti yang dijangka menang peringkat Malaysia mengikut tahap pendidikan

Tahap pendidikan	BN (%)	PN (%)	PH	MN	GTA	Lain-lain	Total
Tidak bersekolah	33.3	33.3	16.6	16.6	0.0	0.0	100
Sekolah rendah	40.9	31.8	9.1	4.5	0.0	13.6	100
Sekolah menengah	40.3	35.0	13.6	9.7	0.5	1.0	100
Kolej/Universiti	23.3	27.4	22.9	18.0	1.1	7.1	100

PARTI YANG SESUAI MEWAKILI KERUSI DUN DAN PARLIMEN DALAM PRU-15

Hasil analisis bagi pernyataan ‘Parti yang manakah sesuai mewakili kerusi DUN’ menunjukkan terdapat perbezaan yang jelas dalam kecenderungan politik responden bandar dan luar bandar terhadap parti yang dianggap paling sesuai mewakili kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Di kawasan Damansara, majoriti responden memilih PH sebagai parti yang layak mewakili mereka, manakala di kawasan Tanjung Karang majoriti responden memilih BN dengan sokongan sebanyak

52.2%. Sebaliknya, hanya 7.6% responden Tanjung Karang menyokong PH, menunjukkan tahap penerimaan yang rendah terhadap parti tersebut di kawasan berkenaan (Lihat Jadual 10). Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara lokaliti dengan pilihan parti yang akan menang di kerusi DUN, χ^2 (30, N=500) =46.2, $p < 0.02$.

Dari perspektif Teori Pilihan Rasional, responden membuat pilihan berdasarkan penilaian terhadap kemampuan parti dalam memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat setempat. Pengundi Damansara cenderung melihat PH sebagai parti yang lebih sesuai kerana dasar, pendekatan pentadbiran dan agenda pembangunan yang dianggap selari dengan keperluan masyarakat bandar. Faktor seperti tadbir urus, peluang ekonomi dan penyampaian perkhidmatan awam turut mempengaruhi persepsi mereka terhadap kesesuaian parti tersebut sebagai wakil DUN. Tambahan pula Damansara telah lama menjadi kubu kuat DAP.

Di kawasan Tanjung Karang pula, sokongan tinggi terhadap BN menunjukkan bahawa parti ini masih mempunyai pengaruh yang kuat hasil hubungan yang telah lama terjalin dengan masyarakat setempat. Faktor kepimpinan, pengalaman Dato' Noh Omar yang menjadi pengerusi UMNO sekian lama di Tanjung Karang menjadi faktor yang meningkatkan keyakinan pengundi. Oleh itu, pilihan responden mencerminkan pertimbangan rasional yang berasaskan pengalaman, kepercayaan dan jangkaan terhadap keupayaan parti dalam memperjuangkan kepentingan rakyat di peringkat DUN.

JADUAL 10. Parti yang sesuai untuk mewakili kerusi DUN kawasan responden

Parti	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
PN	21.7	18.7
MN	11.6	17.5
BN	16.9	52.2
PH	41.7	7.6
GTA	1.2	0.4
Lain-lain	6.8	3.6

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (30, N=500) =46.2, p < 0.02

Seterusnya bagi analisis 'parti yang sesuai untuk mewakili kerusi parlimen kawasan responden' menunjukkan majoriti responden bandar (38.2%) memilih PH sebagai parti yang paling sesuai mewakili kerusi Parlimen kawasan mereka, manakala majoriti responden luar bandar (50.6%) memilih BN (Lihat Jadual 11). Dapatan ini memperlihatkan bahawa corak sokongan politik masih dipengaruhi oleh latar sosial dan keperluan masyarakat yang berbeza antara kawasan Damansara dan Tanjung Karang. Walaupun kedua-dua parti kini berada dalam Kerajaan Perpaduan, responden masih menunjukkan kecenderungan untuk memilih parti yang dianggap paling dekat dengan kepentingan dan aspirasi kawasan masing-masing.

Dari perspektif Teori Pilihan Rasional, pengundi membuat penilaian berdasarkan manfaat yang dijangka diperoleh daripada wakil rakyat dan parti politik. Di kawasan bandar, PH dilihat lebih berupaya memenuhi tuntutan masyarakat yang memberi perhatian kepada isu tadbir urus, peluang ekonomi, ketelusan pentadbiran dan pembangunan moden. Oleh itu, responden bandar menganggap PH lebih sesuai untuk mewakili kepentingan mereka di peringkat Parlimen. Sebaliknya, sokongan tinggi terhadap BN di kawasan luar bandar menunjukkan bahawa parti tersebut masih mempunyai pengaruh yang kukuh melalui rekod pembangunan, bantuan kebajikan dan hubungan yang lama dengan masyarakat setempat. Pengundi luar bandar cenderung menilai keberkesanan parti berdasarkan pengalaman serta sumbangan yang telah diberikan kepada

komuniti mereka. Kejayaan PH dan BN membentuk Kerajaan Perpaduan turut meningkatkan keyakinan sebahagian responden terhadap kemampuan kedua-dua parti untuk bekerjasama dalam memastikan kestabilan politik dan pembangunan yang berterusan di kawasan masing-masing. Hasil ujian khi-kuasa dua yang signifikan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara lokaliti dengan pilihan parti yang akan menang di kerusi DUN, χ^2 (30, N=500) =54.1, $p < 0.00$.

JADUAL 11. Parti yang sesuai untuk mewakili kerusi Parlimen kawasan responden

Parti	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
PN	21.3	18.3
MN	11.6	18.7
BN	21.3	50.6
PH	38.1	8.3
GTA	1.2	0.0
Lain-lain	6.4	3.9

Nota: Hasil ujian khi-kuasa dua χ^2 (30, N=500) =54.1, $p < .00$

Pengaruh lokasi dalam pilihan raya amat penting dari segi persepsi dan partisipasi politik yang akhirnya membentuk keputusan dan pola pengundian. Kajian di kalangan penduduk Damansara dan Tanjung Karang telah menunjukkan perkembangan menarik dalam dapatan kajian. Kajian ini telah menunjukkan majoriti responden bertindak rasional dalam menjawab soalan sama ada 'keyakinan kedudukan kerusi, parti dijangka menang, dan parti yang sesuai memerintah di kawasan kajian'. Responden di bandar majoriti menyokong PH kerana agenda reformasi yang menekankan anti rasuah, tadbir urus yang baik, secara tak langsung menunjukkan mempunyai politik nilai yang baik. Responden Melayu di bandar juga bersikap rasional dengan menerima bahawa Damansara merupakan kubu kuat parti DAP.

Responden di Tanjung Karang pula menyokong BN kerana rasionalnya selama ini (13 penggal) BN telah memerintah dengan baik di kawasan berkenaan dan membawa banyak perubahan pembangunan. Majoriti responden merupakan penyokong tegar UMNO dan berpuas hati sepanjang pemerintahan Tan Sri Noh Omar. Namun apabila Tanjung Karang diperintah oleh PN kerana memenangi PRU-15 dan perubahan Tan Sri Noh ke PN pada tahun 2024 telah menyebabkan sedikit perubahan sokongan pengundi UMNO ke PN. Walau bagaimanapun kajian ini telah menunjukkan majoriti responden Tanjung Karang masih menyokong BN kerana keyakinan yang tinggi terhadap jentera pentadbiran BN yang stabil. Walaupun PN telah memerintah selama sepenggal, namun majoriti responden melayu khasnya baik di Damansara mahupun Tanjung Karang dalam kajian ini menunjukkan kesetiaan kepada BN. Tambahan pula BN telah bergabung dengan PH bagi mewujudkan keharmonian di dalam negara. Gabungan yang mantap ini menambahkan keyakinan rakyat bahawa Malaysia akan terus membangun dan mencipta kemajuan sosioekonomi rakyat setelah melepasi fasa endemik yang menyebabkan kerugian yang teruk. Responden kajian juga lebih fokus kepada isu pembangunan ekonomi, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan baharu bagi mengurangkan masalah pengangguran setempat, dan sebagainya.

Tingkah laku pengundi yang dinamik, selain perubahan landskap politik yang menunjukkan gabungan parti bertukar musim dan isu yang memberi kesan kepada kehidupan akan mempengaruhi keputusan rakyat dalam memilih wakil rakyat. PH mempunyai kelebihan di kawasan Damansara yang padat penduduk Cina, namun di kalangan penduduk Melayu menunjukkan kecenderungan pengundi memilih UMNO/BN. Walaubagaimana pun mereka tetap

rasional bahawa menjelang PRU-15 kawasan Damansara masih dimenangi PH kerana kawasan ini masih merupakan kubu kuat DAP, anakala BN mendapat kelebihan undi daripada pengundi luar bandar iaitu di Tanjung Karang dengan teras pengundi Melayu. Dalam PRN-16 di Johor dan Negeri Sembilan, PN membentuk kerjasama dengan BN.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, responden di kawasan kajian baik di kawasan Parlimen bandar iaitu Damansara atau luar bandar iaitu Tanjung Karang bersikap rasional dalam pemilihan parti yang akan menang dalam pelbagai peringkat berdasarkan pengalaman pemerintahan sebelum ini, sumber maklumat dari media massa dan elektronik, tidak terpengaruh dengan sentimen kaum dan agama, mementingkan semangat pembangunan, toleransi dan kerjasama antara kaum dan sebagainya. Walaupun keadaan politik negara yang diliputi politik identiti sejak sekian lama melalui penubuhan parti berbilang kaum seperti UMNO, MIC, MCA dan berlandaskan agama seperti PAS, BERJASA dan sebagainya, responden di kawasan kajian telah menunjukkan kematangan berpolitik. Responden di kawasan luar bandar menunjukkan keyakinan dan harapan yang tinggi kepada parti BN untuk mentadbir di kawasan luar bandar, manakala di kawasan bandar yang padat penduduk, PH (yang diwakili DAP) diikuti BN mendapat keyakinan yang tinggi untuk mentadbir kawasan bandar. Hasil analisis deskriptif dari segi peringkat umur turut menunjukkan bahawa responden muda dan dewasa bersikap rasional memilih parti yang sedia popular atau berpengalaman memegang pemerintahan. Begitu juga dari segi tahap pendidikan di mana responden yang berpendidikan kolej dan universiti bersikap rasional dan berhati-hati. Hasil analisis menunjukkan peratusan yang hampir sama memilih BN, PN dan PH sebagai parti yang bakal menang dalam PRU-15. Jelaslah ketiga-tiga parti merupakan tiga parti utama di Malaysia setakat ini. Gabungan BN dan PH telah meningkatkan keyakinan rakyat sebagai parti perpaduan yang diharapkan membawa Malaysia ke arah kecemerlangan atau kemajuan mengikut acuan Malaysia dalam PRU-15. Hal ini dapat memastikan sistem pemerintahan di negara ini akan terus berjalan lancar dan seterusnya mencapai kesejahteraan sosioekonomi dan politik di negara ini. Oleh itu, kajian ini telah menunjukkan faktor persekitaran geografi masih mempengaruhi pola pengundian. Kepimpinan yang baik semasa pentadbiran akan mempengaruhi individu di peti undi. Dari segi limitasi, kajian ini terhad kepada satu kawasan bandar dan satu kawasan luar bandar di Selangor sahaja. Justeru bagi cadangan kajian akan datang, saiz sampel boleh diluaskan kepada semua kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia. Analisis spatial juga boleh dikembangkan kepada pusat bandar, pinggir bandar, desa dan pedalaman untuk memahami pengaruh persekitaran geografi atau lokaliti yang lebih mendalam.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas sokongan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak UKM serta orang perseorangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Ahmad Rizal Mohd Yusof, Mansor Mohd Noor, Arvin Tajari, Muhammad Asri Mohd Ali, Mohd Mahadee Ismail, Muhammad Shamshinor Abd Azzis, & Najiha Zainuddin. (2016). Pola pengundian generasi Y menjelang PRU ke-14 di Kuala Lumpur. *Research Journal of Social Sciences*, *9*(93): 23-42.

Ali Salman & Mohd Azul Mohammad Salleh. (2020). Examining relationship between political agenda on social media and political support among university students. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *36*(3) 2020: 281-295.

Anon. (2026). Pengundi muda king make aspirasi mereka perlu didengar. https://pru.sinarharian.com.my/info-berita/22813/pengundi-muda-king-maker-aspirasi-mereka-perlu-didengar

Armstrong, D. A., Lucas, J., & Taylor, Z. (2022). The Urban-Rural Divide in Canadian Federal Elections, 1896-2019. *Canadian Journal of Political Science*, *55*(1): 12-22.

Ardèvol-Abreu, A., Gil de Zúñiga, H., & Gámez, E. (2020). The influence of conspiracy beliefs on conventional and unconventional forms of political participation: The mediating role of political efficacy. *British Journal of Social Psychology*, *59*(2): 55-61.

Asriadi, A., Yusa' Farchan, & Wiyono. (2025). The Role Of Online Media In Shaping The Popularity Of Political Parties In The 2024 Election In Indonesia. *INJECT (Interdisciplinary Journal of Communication)*, *10*(1): 23-31.

Ationg, R., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., & Layapan, M. (2020). Analisis Pola Pengundian dan Senario Politik Semasa di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 Berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(5): 45-57.

Braun, D., & Schäfer, C. (2022). Issues that mobilize Europe. The role of key policy issues for voter turnout in the 2019 European Parliament election. *European Union Politics*, *23*(1): 56-66.

Coleman, J.S. (1990). *Foundations of Social Theory*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Davidson, T. R., & Enos, J. (2025). Engaging Populism? The Popularity of European Populist Political Parties on Facebook and Twitter, 2010–2020. *Political Communication*, *42*(1): 32-55.

Downs A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. Harper and Row, New York.

Dzulpadzli Shaarin, Sity Daud & Normah Mustaffa. (2025). Respons Kerajaan Terhadap Penyebaran Berita Palsu di Media Sosial. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, *52*(3)(2025): 376-392.

Haffert, L., & Mitteregger, R. (2023). Cohorts and neighbors: Urban-rural conflict along the age gradient. *Electoral Studies*, *86*: 23-34.

Huijsmans, T., & Rodden, J. (2025). The Great Global Divider? A Comparison of Urban-Rural Partisan Polarization in Western Democracies. *Comparative Political Studies*, *58*(2): 21-34.

Junaidi Awang Besar. (2025). *Politik Identiti dan Nilai Dalam Pilihan Raya Kecil* (ms. 243–263). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Junaidi Awang Besar. (2021). Pengaruh geografi terhadap pola pengundian. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Peny.), *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi* (ms. 105–140). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Karp, J. A., & Banducci, S. A. (2008). Political efficacy and participation in twenty-seven democracies: How electoral systems shape political behaviour. *British Journal of Political Science*, *38*(2): 23-42.

Khalida Najwa Khairuddin & Junaidi Awang Besar. (2021). Tingkah laku pengundi luar di kawasan Dun Tras, Raub, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, *5*(1): 1-17.

Koivukoski, J., Laaksonen, S. M., Zareff, J., & Knuutila, A. (2025). Challenging and Enhancing Legitimacy Through Humor: A Comparative Study of Candidates' Use of Humor on Facebook before the 2019 and 2023 Finnish Parliamentary Elections. *Alternatives*, *50*(1): 45-56.

Mohd. Nor Hafiz Ahmad Pauzan, Junaidi Awang Besar & Hamzah Jusoh. (2021). Impak persempadanan semula bahagian pilihan raya terhadap pola pengundian dalam pilihan raya umum ke-14 di kawasan DUN Kadok dan Melor, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, *17*(2): 21-33.

Mohd. Zakaria Ibrahim & Amer Saifude Ghazali. (2021). Konsep geo-bencana dari perspektif geografi. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Peny.), *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi* (ms. 203–240). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mokhtar Ahmad, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan Kemunculan Politik Baharu. *Akademika*, *94*(03): 34-43.

Muhammad Agus Yusoff. (2008). Faktor kejayaan dan kegagalan sistem politik persekutuan. . Dlm. Ghazali Mayudin (Peny.), *Politik Malaysia Perspektif Teori Praktik* (ms. 95-110). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Norhafiza Mohd Hed. (2018). Perkembangan protes politik di Malaysia: Dari era pra-kemerdekaan hingga tsunami politik. Jurnal Perspektif: Special Issue *1*: (20-32).

Norhafiza Mohd Hed. (2021). Penglibatan belia dalam demokrasi dan proses politik. Dlm. Junaidi Awang Besar (Peny.), *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi* (ms. 257–276). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Norihan Tajudin & Junaidi Awang Besar. (2022). Persepsi masyarakat terhadap dasar kesejahteraan masyarakat semasa pandemik dalam kalangan komuniti rentan Kota Damansara, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, *5*(5): 1-15.

Nur Elya Syafika Kamarozaman & Junaidi Awang Besar. (2021). Pandangan pengundi terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana* *5*(3)(June 2021): 1-29.

Pong, T. K., & Tan, Y. Y. (2018). Urban Tsunami dalam PRU ke-13: Analisis Pola Pengundian Masyarakat Cina Malaysia. *Journal Of Chinese Literature And Culture*, *6*(1): 21-34.

Siti Nurshahidah Sah Allam, Normah Mustaffa & Mohd Nor Shahizan Ali. (2024). Pengaruh kemahiran literasi media dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *40*(2) 2024: 224-246.

Suhana Saad & Shahrul Nazmi Sannusi. (2023). Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15): Analisis bias media portal berita dalam talian di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *39*(4) 2023: 247-269.

Suriana Ramli & Rosmadi Fauzi. (2025). Sokongan politik kepada Barisan Nasional semasa Pra-PRU-14 di Felda Chiku, Gua Musang. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Peny.), *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi* (ms. 79-104). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ting Ting Yong & Azlina Abdullah. (2026). Persepsi Etnik Cina Terhadap Liputan Berita Berunsur Rasisme Dan Implikasinya Terhadap Hubungan Antara Etnik di Kuala Lumpur. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, *23*(2): 278-296.

Ummu Aabidah Abu Mat Suaud, Mohd Muslim Said & Rosmadi Fauzi. (2021). Calon cita rasa rakyat dari perspektif Geografi di Parlimen Lembah Pantai. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Peny.), *Geografi Pilihan Raya Di Malaysia: Amalan dan Aplikasi* (ms. 241–256). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif. (2008). Demokrasi di Malaysia: Antara persaingan dan perwakilan. Dlm. Ghazali Mayudin (Peny.), *Politik Malaysia Perspektif Teori Praktik* (ms. 25-38). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walks, R. A. (2004). Place of residence, party preferences, and political attitudes in Canadian cities and suburbs. *Journal of Urban Affairs*, *26*(3): 45-56.

PENULIS:

NORIHAN TAJUDIN
Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan,
Sosial dan Persekitaran (SEEDS),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Email: p109357@siswa.ukm.edu.my/norihant@gmail.com

JUNAIDI AWANG BESAR (Penulis Koresponden)
Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Email: jab@ukm.edu.my